



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24/2/2012

Industri OSV tempatan terancam

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN
bisnes.utusan@gmail.com

KUALA LUMPUR 23 Feb. - Persekitaran Pemilik Kapal-Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) Malaysia mendakwa peluang dan potensi untuk berkembang dalam industri tersebut semakin sukar kerana masalah polisi, kekangan dalam insentif cukai dan masalah pembiayaan kewangan daripada institusi-institusi kewangan negara.

Presidennya, Taspirin Masotee berkata, pasaran kapal sokongan luar pesisir (OSV) begitu stabil beberapa tahun lalu kerana Undang-Undang Kabotaj memberi keutamaan kepada penyedia perkhidmatan OSV selain kehadiran syarikat-syarikat minyak antarabangsa dan syarikat-syarikat minyak negara yang kukuh di Malaysia.

Menurutnya, pada masa ini semua syarikat-syarikat minyak utama di Malaysia perlu mengutamakan penggunaan kapal-kapal tempatan dalam prosedur tender untuk melindungi polisi kabotaj.

Bagaimanapun, dakwa beliau, kemasukan kapal-kapal asing yang didaftarkan semula di Malaysia telah menjejaskan peluang pemilik-pemilik kapal sokongan luar pesisir tempatan.

"Masalah ini berlaku kerana ketirisan dalam polisi Pendaftaran Kapal Antara-

bangsa Malaysia (MISR). Proses pendaftaran di Pelabuhan Labuan tidak memerlukan kepentingan majoriti (termasuk undian saham-saham) oleh rakyat Malaysia, tidak seperti di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

"Dengan mendaftar semula kapal-kapal asing ini, pemilik kapal asing di Malaysia turut menikmati undang-undang kabotaj.

"Akibatnya, persaingan dalam industri ini semakin sengit kerana mereka menawarkan kadar sewa yang lebih rendah berbanding pemilik kapal tempatan," katanya pada majlis pelancaran OSV Malaysia di sini hari ini.

Majlis perasmian itu disempurnakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Taspirin berkata, kadar sewa kapal itu oleh pemilik tempatan adalah di antara AS\$1,000 hingga AS\$2,000 sehari (RM3,000 hingga RM6,000).

Tegas beliau, OSV Malaysia yang kini menjadi mangsa keadaan menolak dakwaan mereka tidak kompetitif, sebaliknya terperangkap dalam polisi yang ditetapkan.

"Kami boleh menjadi kompetitif, sekiranya diberi peluang untuk bersaing dalam medan yang sama kerana kami tahu keupayaan kami. Dakwaan yang menyatakan baiangan dan perkhidmatan yang diimport lebih baik, sudah tidak

boleh diguna pakai sekarang.

"Ini kerana Malaysia telah mencatatkan prestasi yang begitu hebat dalam industri ini, meskipun ketidakpastian dalam cabaran ekonomi global," ujarnya.

Mengulas mengenai kadar sewa yang dikenakan oleh pemilik kapal yang tidak kompetitif, beliau berkata, dasar cukai yang tidak menyokong industri itu menjadi punca.

Singapura, contohnya, menawarkan pengecualian cukai kepada semua kapal-kapal sokongan luar pesisir yang berdaftar di negara itu. Pendapatan yang dijana daripada operasi dan sewaan di pesisiran antarabangsa akan menikmati pengecualian cukai.

Di Malaysia, faedah ini hanya dinikmati oleh kapal-kapal kargo pedagang sahaja.

Di Singapura, pengecualian cukai juga dinikmati oleh kapal-kapal asing yang diurus dan dikawal dari negara itu oleh syarikat-syarikat tempatannya tetapi di Malaysia faedah seumpama itu langsung tidak ada.

"Itu belum masuk cukai korporat sebanyak 25 peratus berbanding 17 peratus di Singapura. Di sini kos operasi dan penyelenggaraan juga tinggi.

"Enjin kapal, alat ganti, perkakasan, tambatan dan peralatan navigasi melalui pelabuhan-pelabuhan juga dikira sebagai barangan cukai. Di Singapura, ia semua

adalah percuma," katanya.

Taspirin berkata, kos untuk pembiayaan OSV juga mahal oleh institusi kewangan negara berbanding bank-bank antarabangsa, hampir 50 peratus.

Menurut beliau, pemilik kapal Singapura hanya dikenakan tiga peratus manakala di Malaysia enam hingga tujuh peratus, mengakibatkan para pemilik OSV sukar untuk menambak kapal-kapal dalam jangka pendek kerana perlu menunggu sehingga lima hingga tujuh tahun, selepas pinjaman habis dibayar.

"Walaupun permintaan tinggi, kami tidak mampu menambah satu atau dua kapal setahun, meskipun industri ini memerlukan 200 OSV dalam lima tahun lagi," ujarnya.



DR. Mahathir Mohamad, hadir merasmikan majlis pelancaran OSV sambil disaksikan oleh Taspirin Masotee (kiri) dan Timbalan Presiden OSV Ismail Kamin (kanan), bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur.